



Ruj.Kami : Prk.ML.08/35-22(42)
Tarikh : 18 Mei 2016

Pengarah
Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah
Bangunan Sri Sabah
Jalan Tanjung Batu
Peti Surat 80164
87011 WP Labuan
(Faks : 087-417531)

Tuan,

PEMAKLUMAN DASAR DAN PROSEDUR BARU PELESENAN JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perikanan Malaysia telah mengeluarkan satu dasar dan prosedur pelesenan yang bertajuk Garis Panduan Pelesenan Bil. 1/2015 mengenai pelaksanaan had kapasiti tangki minyak vesel penangkapan ikan merujuk kepada surat bil. Prk.ML.08/35-22 (42) bertarikh 29 Mei 2015.
3. Dimaklumkan juga, hasil daripada Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi dan Petrol Nelayan Bil. 3/2015 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang telah diadakan pada 10 Disember 2015 telah memutuskan agar dicadangkan garis panduan ini dipanjangkan kepada Jabatan Dermaga dan Pelabuhan Sabah untuk digunapakai memandangkan perkara berkaitan lesen dan bot di Sabah merupakan di bawah bidang kuasa pihak tuan.
4. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pelesenan tersebut untuk rujukan dan tindakan sewajarnya oleh pihak tuan jua. Sukacita dipohon kerjasama pihak tuan agar dapat memberi maklumbalas kepada Jabatan Perikanan Malaysia mengenai perkara ini untuk makluman bersama.

5. Segala perhatian dan maklumbalas pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TAN GEIK HONG)

Pengarah Bahagian

Pengurusan Sumber

b.p. Ketua Pengarah Perikanan

Malaysia

Putrajaya.

s.k

Setiausaha Bahagian

Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan (ITTP)

Aras 10 dan 11, Menara 4G1

Wisma Tani, No. 18 Persiaran Perdana

Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 Putrajaya